

Bab 2

KEBANGKITAN NASIONALISME

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

2.1 Maksud Nasionalisme

(Buku Teks m.s. 22 – 23)

- 1 Apakah maksud nasionalisme?
A Pembinaan negara bangsa
B Pembangunan semakin pesat
C Perasaan cinta terhadap negara
D Persamaan pengalaman sejarah

(Buku Teks m.s. 22)

- 2 Apakah persamaan tafsiran tokoh berikut terhadap nasionalisme?

- Hans Kohn
- Dato' Onn Jaafar
- Dr. R. Suntharalingam
- Dr. Burhanuddin al-Helmi

- A Kesetiaan kepada negara
- B Perjuangan menentang penjajah
- C Keunggulan semangat kebangsaan
- D Pembimbing terhadap sekularisme

(Buku Teks m.s. 22)

- 3 Apakah sifat kebangsaan orang Melayu yang diperjuangkan oleh tokoh berikut?

Profesor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahab

- A Teguh bersatu
- B Tanah Melayuan
- C Keunggulan bangsa
- D Ketamadunan Melayu

(Buku Teks m.s. 23)

- 4 Apakah bidang sumbangan tokoh berikut?

Profesor Emeritus Tan Sri
Dr. Khoo Kay Kim

- A Sasterawan
- B Budayawan
- C Sejarawan
- D Karyawan

(Buku Teks m.s. 23)

2.2 Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat

(Buku Teks m.s. 24 – 25)

- 5 Revolusi Keagungan di England telah tercetus pada tahun 1688.

Mengapakah tercetus revolusi tersebut?

- A Membentuk negara perindustrian
- B Menentang birokrasi tradisional
- C Menuntut kemerdekaan negara
- D Menegakkan hak asasi rakyat

(Buku Teks m.s. 24)

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan Revolusi Keagungan 1688.

Tindakan	Ahli parlimen England telah menentang pemerintahan berkuasa mutlak.
Kesan	Sokongan terhadap James II semakin berkurangan

Bagaimanakah usaha James II mengatasi situasi tersebut?

- A Melarikan diri ke Perancis
- B Membatalkan hak asasi rakyat
- C Melucutkan jawatan pembesar
- D Menggubal undang-undang baharu

(Buku Teks m.s. 24)

- 7 Undang-undang berikut dihasilkan oleh ahli falsafah Inggeris iaitu John Locke.

Bill of Rights

Apakah tujuan undang-undang tersebut digubal?

- A Menghalang hak kebebasan rakyat
- B Membentuk sistem kerajaan baharu
- C Menamatkan penjajahan kuasa asing
- D Memberi keutamaan kepada parlimen

(Buku Teks m.s. 24)

- 8 John Locke telah menghasilkan karya *Two Treatises of Government*.
Apakah kandungan karya tersebut?
- A Kaedah pembinaan negara
 - B Kaedah mentadbir kerajaan
 - C Prinsip raja berperlembagaan
 - D Proses menggubal perlembagaan

(Buku Teks m.s. 24)

- 9 Mengapakah orang Amerika menentang penjajahan British pada tahun 1776?
- I Pengabaian hak penduduk
 - II Pengenalan akta cukai
 - III Penghakisan kuasa raja
 - IV Penyekatan hak kebebasan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 25)

- 10 Tokoh berikut terlibat dalam Revolusi Amerika pada tahun 1776.



Thomas Jefferson

- Apakah sumbangan tokoh tersebut?
- A Menggulingkan raja berkuasa mutlak
 - B Membuat kempen kesedaran nasionalisme
 - C Menulis Perisytiharan Kemerdekaan Amerika
 - D Memperjuangkan prinsip raja berperlembagaan

(Buku Teks m.s. 25)

- 11 Mengapakah penduduk Amerika melaungkan slogan berikut semasa Revolusi Amerika pada tahun 1776?

“tiada cukai tanpa perwakilan”

- A Tuntutan rakyat terhadap kebajikan mereka
- B Bantahan terhadap pembayaran pelbagai cukai
- C Ketiadaan wakil Amerika dalam Parlimen British
- D Penentangan terhadap sistem pemerintahan beraja

(Buku Teks m.s. 25)

- 12 Apakah kesan Revolusi 1776 terhadap Eropah?
- A Ideologi sekularisme berkembang luas
 - B Keruntuhan sistem pemerintahan beraja
 - C Kemerosotan kuasa golongan bangsawan
 - D Pengenalan sistem pemerintahan demokrasi

(Buku Teks m.s. 25)

- 13 Revolusi Perancis (1789) berlaku kerana penyebaran idea nasionalisme oleh golongan pemikir Perancis.

Apakah idea nasionalisme tersebut?

- I Persamaan
 - II Perjuangan
 - III Pembaharuan
 - IV Persaudaraan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 25)

- 14 Jean Jacques Rousseau telah mengemukakan keunggulan suara rakyat dalam Revolusi Perancis 1789.

Apakah gelaran terhadap suara rakyat tersebut?

- A Kata sepakat
- B Hasrat umum
- C Tuntutan rakyat
- D Impian bersama

(Buku Teks m.s. 25)

- 15 Jadual berikut berkaitan dengan revolusi di Eropah.

Tahun	1789
Peristiwa	Revolusi Perancis

Bagaimanakah revolusi tersebut ditamatkan?

- A Menjatuhkan kerabat diraja
- B Menggempur penjara Bastille
- C Menukar sistem pemerintahan
- D Memperkenalkan sistem demokrasi

(Buku Teks m.s. 25)

- 16 Apakah kesan Revolusi Perancis 1789 terhadap pemerintahan negara?

- A Sistem demokrasi berperlembagaan diperkenalkan
- B Perlantikan Presiden sebagai ketua negara
- C Sistem pemerintahan beraja ditamatkan
- D Pengenalan sistem birokrasi Barat

(Buku Teks m.s. 25)

2.3 Perkembangan Nasionalisme di Asia

(Buku Teks m.s. 26 – 27)

- 17 Bagaimanakah penduduk tempatan di India menentang dasar imperialisme British?

A Melaksanakan pilihan raya
B Melancarkan Dahagi India
C Menyokong kumpulan militan
D Mengadakan gerakan pemulihan

(Buku Teks m.s. 26)

- 18 Apakah sumbangan tokoh nasionalisme India berikut pada awal abad ke-20?

• Bal Gangadhar Tilak
• Bipin Chandra Pal

A Menggerakkan perjuangan militan
B Menentang kelemahan pemerintah
C Memberi perhatian isu sosioagama
D Mempertahankan pemerintahan Islam

(Buku Teks m.s. 26)

- 19 Tokoh berikut telah menjadikan *satyagraha* sebagai pegangan untuk menggerakkan nasionalisme di India.



Mahatma Gandhi

Bagaimanakah *satyagraha* dilaksanakan?

A Berjuang tanpa keganasan
B Bergerak secara gerila
C Bertindak secara radikal
D Berunding dengan penjajah

(Buku Teks m.s. 26)

- 20 Mengapakah pertubuhan politik berikut membentuk jawatankuasa khas selepas Perang Dunia Kedua di India?

• Liga Muslim
• Kongres Kebangsaan India (INC)

A Menggerakkan perang gerila
B Melancarkan gerakan dakyuh
C Merangka pembahagian India
D Melakukan penentangan militan

(Buku Teks m.s. 26)

- 21 Mengapakah berlaku nasionalisme China pada awal abad ke-20?

I Mengukuhkan peradaban China
II Menentang kelemahan Dinasti Manchu
III Kesedaran pemulihan gerakan komunis
IV Kebangkitan terhadap imperialisme Barat

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 26)

- 22 Senarai berikut berkaitan dengan ideologi perjuangan Dr. Sun Yat Sen terhadap kelemahan pemerintahan Dinasti Manchu.

Tiga Prinsip Rakyat (San Min Chu-i)

Apakah prinsip ideologi tersebut?

A Hak asasi rakyat
B Kebajikan sosial
C Perpaduan
D Republik

(Buku Teks m.s. 26)

- 23 Gambar berikut merupakan tokoh nasionalisme dalam empayar Uthmaniyah dan Mesir.



Sayyid Jamal al-din al-Afghani



Sheikh Muhammad Abduh

Apakah gerakan yang dilancarkan oleh tokoh tersebut?

I Gerakan Islah
II Gerakan Wahabi
III Gerakan Pemulihan
IV Gerakan Pan-Islamisme

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 27)

- 24 Apakah seruan Gerakan Islah terhadap umat Islam di seluruh dunia?
- Berpegang teguh kepada ajaran Islam
 - Bersatu untuk mempertahankan negara
 - Berwaspada terhadap pengaruh anasir luar
 - Bergabung membentuk persaudaraan umat Islam

(Buku Teks m.s. 27)

- 25 Jadual berikut berkaitan dengan nasionalisme Empayar Uthmaniyah dan Mesir.

Tahun	1883
Tokoh	Sayyid Jamal al-Din al-Afghani
Kumpulan	al-Urwah al-Wuthqa

Mengapakah kumpulan tersebut ditubuhkan?

- Menuntut kemerdekaan
- Menggulingkan kerajaan
- Menggerakkan penentangan
- Memperkuatkan persaudaraan

(Buku Teks m.s. 27)

- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha Maharaja Mikado Meiji (1868).

Melancarkan gerakan pemulihan Jepun dengan menekankan pemodenan mengikut model Barat.

Apakah kesan usaha tersebut terhadap Jepun?

- Mendapat penghormatan kuasa Barat
- Mengekalkan kedaulatan negara dan bangsa
- Menghalang pencerobohan penjajah dari Barat
- Menyebarkan tradisi kebudayaan ke negara

(Buku Teks m.s. 27)

- 27 Semangat berikut diperkenalkan semasa era Pemulihan Meiji di Jepun.

Semangat *bushido*

Apakah kesan pengenalan semangat tersebut terhadap Jepun?

- Menjadi negara perindustrian
- Memiliki ketenteraan yang kuat
- Menghalang gerakan anti-Barat
- Membentuk penyatuan penduduk

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(Buku Teks m.s. 27)

2.4 Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara

(Buku Teks m.s. 28 – 31)

- 28 Tokoh berikut melancarkan Gerakan Propaganda di Filipina bagi menentang Sepanyol.



Jose Rizal

Apakah tuntutan gerakan tersebut terhadap Sepanyol?

- Pemulihan sistem pemerintahan beraja
- Persediaan ke arah berkerajaan sendiri
- Pendidikan untuk mengubah nasib rakyat
- Persamaan hak dengan bangsa Sepanyol

(Buku Teks m.s. 28)

- 29 Bagaimanakah Jose Rizal mendesak kerajaan Sepanyol melakukan perubahan politik dan ekonomi di Filipina?

- Menubuhkan Katipunan
- Membentuk Liga Filipina
- Melancarkan revolusi bersenjata
- Menyebarkan fahaman melalui akhbar

(Buku Teks m.s. 28)

- 30 Katipunan ditubuhkan untuk menuntut kemerdekaan Filipina daripada Sepanyol.

Bagaimanakah tuntutan tersebut dilaksanakan?

- Meminta kerjasama Amerika Syarikat
- Menggunakan saluran diplomasi
- Menggunakan akhbar *Kalayan*
- Melancarkan gerakan revolusioner

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(Buku Teks m.s. 28)

- 31 Bagaimanakah Sergio Osmena memperjuangkan kemerdekaan Filipina dari Amerika Syarikat?
- Menubuhkan pertubuhan radikal
 - Melancarkan propaganda anti penjajah
 - Menggunakan pendekatan bekerjasama
 - Mendapatkan sokongan golongan petani

(Buku Teks m.s. 28)

- 32 Nasionalisme di Burma adalah untuk menentang imperialisme British. Apakah golongan yang terlibat dalam penentangan tersebut?

- Thakin
- Sami Buddha
- Raja Burma
- Pegawai Mandarin

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV


(Buku Teks m.s. 29)

- 33 Mengapakah golongan kelas pertengahan berpendidikan Barat menentang pengaruh British di Burma?

- Menyebarkan tradisi budaya Burma
- Mengambil alih kuasa pemerintahan
- Mengekalkan sistem birokrasi tempatan
- Mengancam kedudukan agama Buddha

(Buku Teks m.s. 29)

- 34 X dalam rajah berikut adalah pertubuhan nasionalisme tahap awal di Burma.



Apakah X?

- Liga Antipemisahan
- Parti Dobama Asiayone
- Persatuan Belia Buddha
- Liga Pembebasan Rakyat Anti-Fasis

(Buku Teks m.s. 29)

- 35 Jadual berikut berkaitan dengan peristiwa di Burma.

Tahun	Peristiwa
1930 – 1932	Pemberontakan Saya San

Mengapakah pemberontakan tersebut mendapat sokongan daripada golongan petani?

- Dilatih menjadi pasukan sukarela
- Terbeban dengan pelbagai cukai
- Tertindas dengan kezaliman British
- Dipaksa melakukan kerahan tenaga

(Buku Teks m.s. 29)

- 36 Parti politik berikut ditubuhkan untuk menentang tindakan British memisahkan pentadbiran India dengan Burma melalui Perlembagaan Burma 1935.

Parti Do Bama Asiayone

Mengapakah pemisahan tersebut ditentang oleh parti tersebut?

- Menyekat perluasan fahaman komunis
- Memperjuangkan kemerdekaan negara
- Melindungi kepentingan golongan petani
- Mempertahankan kedudukan golongan pelajar

(Buku Teks m.s. 29)

- 37 Senarai berikut merupakan golongan nasionalis di Burma.

- U Nu
- Aung San
- Kyaw Nein

Apakah persamaan ketiga-tiga pemimpin tersebut?

- Menuntut berkerajaan sendiri
 - Menggelar diri mereka sebagai Thakin
 - Merupakan golongan sami Buddha
 - Mengadakan kerjasama dengan British
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 29)

- 38 Golongan berikut terlibat dalam gerakan nasionalisme di Vietnam.

- Golongan bangsawan
- Pegawai golongan Mandarin

Apakah yang diperjuangkan oleh golongan tersebut?

- Memperoleh kebebasan berpolitik
- Membatalkan perundangan Barat
- Menuntut peluang pentadbiran
- Memulihkan sistem beraja

(Buku Teks m.s. 29)

- 39 Bagaimanakah golongan intelektual meningkatkan kesedaran politik di Vietnam?
- Menubuhkan kerajaan republik
 - Menentang secara revolusi
 - Menggunakan saluran akhbar
 - Memperkenalkan ideologi komunis

(Buku Teks m.s. 29)

- 40 Bagaimanakah usaha tokoh berikut memimpin gerakan revolusi di Vietnam?



Ho Chi Minh

- Mendedahkan penindasan penjajah
- Menubuhkan Parti Komunis Vietnam
- Menyebarkan semangat nasionalisme
- Memperjuangkan penentangan secara sulit

(Buku Teks m.s. 29)

- 41 Peristiwa berikut berlaku di Vietnam pada tahun 1930.

Peristiwa	Viet Nam Quoc Dang Dang (VNQDD) melancarkan pemberontakan.
------------------	--

Apakah matlamat pemberontakan tersebut?

- Mengekalkan tradisi Buddha
- Menubuhkan kerajaan republik
- Menyebarkan ideologi sosialisme
- Membentuk penyatuan Vietnam

(Buku Teks m.s. 29)

- 42 Bagaimanakah pihak Perancis melumpuhkan pertubuhan nasionalisme berikut?

Viet Nam Quoc Dang Dang

- Menangkap pemimpinnya
 - Menyekat pergerakan parti
 - Membentuk Union Indochinoise
 - Menghukum bunuh pemimpinnya
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 29)

- 43 Gambar berikut merupakan tokoh nasionalis di Indonesia.



Raden Adjeng Kartini

Apakah yang diperjuangkan oleh tokoh tersebut?

- Menentang tuntutan pihak penjajah
- Menggalakkan wanita memajukan diri
- Memajukan pendidikan kaum wanita
- Mempertahankan tradisi kebudayaan

(Buku Teks m.s. 30)

- 44 Karya berikut dihasilkan oleh Raden Adjeng Kartini sebagai tokoh nasionalis di Indonesia.

Hilang Gelap Terbitlah Terang

Apakah kandungan karya tersebut?

- Berani mempertahankan negara
- Semangat perjuangan bangsa
- Penolakan sekularisme Barat
- Dasar diskriminasi Belanda

(Buku Teks m.s. 30)

- 45 Maklumat berikut berkaitan dengan ikrar "Sumpah Pemuda" yang menjadi tonggak nasionalisme masyarakat Indonesia.

SUMPAH PEMUDA

- Pertama: Kami putra dan putri Indonesia mengaku bertumpah darah yang satu, tanah air Indonesia
- Kedua: Kami putra dan putri Indonesia mengaku berbangsa yang satu, bangsa Indonesia
- Ketiga: Kami putra dan putri Indonesia menjunjung bahasa persatuan, bahasa Indonesia

Apakah pihak yang melahirkan ikrar tersebut?

- Presiden Soekarno
- Parti Komunis Indonesia
- Kongres Pemuda Indonesia
- Pertubuhan Muhammadiyah

(Buku Teks m.s. 30)

- 46 Pertubuhan Muhammadiyah merupakan pertubuhan penting dalam gerakan nasionalisme di Indonesia.

Apakah matlamat perjuangan pertubuhan tersebut?

- A Menghindari ancaman sekularisme
- B Memperjuangkan kemajuan ekonomi
- C Meningkatkan kerjasama dengan kerajaan
- D Mempertahankan kuasa pemimpin tempatan

(Buku Teks m.s. 30)

- 47 Bagaimanakah usaha tokoh berikut menentang kuasa Belanda di Indonesia?



Soekarno

- A Melancarkan gerakan gerila
- B Menggunakan cara diplomasi
- C Menubuhkan Parti Nasional Indonesia
- D Menyuruh kerjasama golongan bangsawan

(Buku Teks m.s. 30)

- 48 Apakah persamaan perjuangan pertubuhan politik berikut?

- Katipunan di Filipina
- Parti Komunis Indonesia
- Viet Nam Quoc Dang Dang

- I Bertindak secara revolusi
- II Penentangan secara radikal
- III Bekerjasama dengan penjajah
- IV Pemimpinnya berhaluan sederhana

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 28 – 30)

- 49 Negara berikut telah melancarkan gerakan membebaskan diri daripada penjajahan kuasa Barat.

- Filipina
- Vietnam
- Burma
- Indonesia

Apakah faktor kejayaan perjuangan para nasionalis negara tersebut?

- A Bantuan golongan bangsawan
- B Perpaduan penduduk peribumi
- C Kerjasama dengan kuasa asing
- D Kepelbagaian hasil dalam negara

(Buku Teks m.s. 28 – 30)

- 50 Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan yang dilakukan di Thailand.

Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn telah membawa masuk penasihat Barat untuk melatih pegawai tempatan.

Mengapakah perubahan tersebut dilakukan?

- A Memenuhi tuntutan rakyat
- B Memelihara kedaulatan negara
- C Memantapkan pentadbiran kerajaan
- D Memperkukuhkan pemerintahan beraja

(Buku Teks m.s. 31)

- 51 Thailand merupakan satu-satunya negara di Asia Tenggara yang dapat mengekalkan kemerdekaan. Bagaimanakah usaha Thailand mengekalkan kemerdekaan tersebut?

- A Kekuatan tentera
- B Perkongsian kuasa
- C Kedudukan strategik
- D Pemodenan pentadbiran

(Buku Teks m.s. 31)

- 52 Mengapakah gerakan nasionalisme di Thailand berbeza dengan negara Asia Tenggara yang lain?

- I Mengembalikan kuasa raja dan pembesar
- II Menjalin hubungan erat dengan negara luar
- III Menentang penguasaan politik oleh kerabat diraja

- IV Menentang cengkaman ekonomi oleh kapitalis Barat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 31)

- 53 Mengapakah tokoh berikut menubuhkan Parti Rakyat di Thailand?

- Nai Pridi Phanomyong
- Field Marshal Phibulsongkram

- A Menentang raja berkuasa mutlak
- B Mempertahankan sekularisme Barat
- C Memperjuangkan pendidikan moden
- D Menuntut ke arah berkerajaan sendiri

(Buku Teks m.s. 31)

- 54 Bagaimanakah tokoh berikut mengatasi cengkaman ekonomi oleh orang Cina?

Perdana Menteri Phibulsongkram

- A Meluluskan undang-undang
- B Membuka pusat perdagangan
- C Memajukan sistem pendidikan
- D Mengadakan sekatan sempadan

(Buku Teks m.s. 31)

- 55 Tindakan berikut telah dilakukan oleh Thailand semasa Perang Dunia Kedua.

Bekerjasama dengan Jepun

Apakah kesan terhadap negara tersebut?

- A Pemodenan sistem pentadbiran
- B Penghijrahan rakyat dapat diatasi
- C Pengekalan kemerdekaan negara
- D Penguasaan ekonomi oleh imigran

(Buku Teks m.s. 31)

2.5 Kesedaran Nasionalisme di Negara Kita

(Buku Teks m.s. 32 – 33)

- 56 Apakah sumbangan pemerintah Kesultanan Melayu Melaka berikut?

- Sultan Mahmud Shah
- Sultan Muzaffar Shah

- A Membuka kota Melaka
- B Memperkenalkan sistem cukai
- C Menentang penjajahan Portugis
- D Mengasaskan Kesultanan Melaka

(Buku Teks m.s. 32)

- 57 Perjuangan Sultan Abdullah Mukarram Shah di Kedah merupakan perjuangan terawal di Kedah.

Apakah bukti untuk menyokong perjuangan tersebut?

- I Mendapatkan kembali Pulau Pinang
- II Melancarkan serangan terhadap Siam
- III Menamatkan penghantaran bunga emas
- IV Menentang Syarikat Hindia Timur Inggeris
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 32)

- 58 Apakah persamaan perjuangan tokoh nasionalisme berikut pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20?

Tokoh Nasionalis	Negeri
Rentap	Sarawak
Tok Janggut	Kelantan
Dato' Bahaman	Pahang
Dato' Maharaja Lela Pandak Lam	Perak

- A Berorganisasi
- B Bersifat setempat
- C Membentuk kerajaan
- D Menuntut kemerdekaan

(Buku Teks m.s. 33)

- 59 Senarai tokoh berikut merupakan perjuangan nasionalisme di negara kita.

- Za'ba
- Fatimah Yaakub
- Abdul Rahim Kajai

Bagaimanakah tokoh tersebut membangkitkan kesedaran nasionalisme di negara kita?

- A Penyebar berita
- B Penulisan kreatif
- C Penerbitan majalah
- D Penubuhan madrasah

(Buku Teks m.s. 33)

- 60 Gerakan nasionalisme oleh golongan berpendidikan Inggeris dan Melayu berikut telah menghadapi pelbagai kekangan.

- Ahmad Boestamam
- Ibrahim Haji Yaakob
- Ishak Haji Muhammad
- Burhanuddin al-Helmi

Apakah kekangan tersebut?

- I Pengenalan undang-undang
- II Pengawasan ketat pemerintah
- III Ketiadaan sistem pengangkutan
- IV Kekurangan sokongan pemimpin
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 33)

2.6 Faktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme (Buku Teks m.s. 34 – 35)

- 61 Senarai tokoh luar negara berikut telah mempengaruhi Gerakan Islah di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

- Syeikh Muhammad Abduh
- Sayyid Jamal al-Din al-Afghani

Apakah bukti yang menunjukkan mereka berpengaruh?

- A Perkembangan kegiatan kesenian
- B Peluasan penggunaan tulisan jawi
- C Kemunculan semangat kebangsaan
- D Kekukuhan perpaduan pelbagai kaum

(Buku Teks m.s. 34)

- 62 Karya berikut dihasilkan oleh Ishak Haji Muhammad.



Apakah mesej yang ingin dicetuskan oleh penulis tersebut?

- A Menghakis sifat kenegerian orang Melayu
- B Membetulkan pandangan terhadap Islam
- C Mengukuhkan perpaduan antara kaum
- D Meningkatkan semangat anti-penjajah

(Buku Teks m.s. 34)

- 63 Bagaimanakah institusi pendidikan moden Islam berikut menerima idea nasionalisme?

- Madrasah al-Attas, Johor Bahru
- Madrasah al-Masyhur, Pulau Pinang
- Madrasah al-Idrisiyah, Kuala Kangsar

- A Menyertai pertubuhan politik tempatan
- B Menerima kunjungan ulama Kaum Muda
- C Memperoleh pendidikan di Timur Tengah
- D Menyokong pandangan sejarawan negara

(Buku Teks m.s. 35)

- 64 Manakah akhbar terawal di Tanah Melayu?

- A *Al-Imam*
- B *Pengasuh*
- C *Fajar Sarawak*
- D *Jawi Peranakan*

(Buku Teks m.s. 34)

- 65 Sistem pendidikan pada zaman penjajah telah membangkitkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu.

Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- A Kewujudan golongan bangsawan
- B Kepelbagaian sukatan mata pelajaran
- C Kemunculan ramai golongan intelek
- D Kemasukan kaum imigran tidak terkawal

(Buku Teks m.s. 35)

- 66 Jadual berikut berkaitan dengan kejayaan Jepun dalam bidang ketenteraan.

Tahun	Kejayaan
1905	Menewaskan Rusia

Apakah kesan kejayaan tersebut terhadap Tanah Melayu?

- A Pengukuhan sistem pertahanan
- B Peluasan semangat nasionalisme
- C Kemunculan semangat nasionalisme
- D Kemantapan kuasa pemerintahan tempatan

(Buku Teks m.s. 35)

- 67 Manakah yang mencetuskan semangat nasionalisme di Tanah Melayu?

- A Propaganda John Locke
- B Gerakan Revolusi Amerika
- C Kebangkitan Pan-Islamisme
- D Perjuangan golongan Luddite

(Buku Teks m.s. 35)

2.7 Perkembangan Nasionalisme

(Buku Teks m.s. 36 – 41)

- 68 Bagaimanakah perkembangan nasionalisme di negara kita pada abad ke-20an?

- I Melalui karya penulisan
- II Melalui pakatan murni
- III Melalui Raja-raja Melayu
- IV Melalui kewujudan pertubuhan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 36)

- 69 Senarai berikut merupakan intelektual berpendidikan agama negara kita.

- Syed Syekh al-Hadi
- Haji Abbas Mohd Taha
- Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin

Bagaimanakah tokoh tersebut membangkitkan kesedaran nasionalisme di negara kita?

- A Menubuhkan kerajaan negeri
- B Menentang British secara radikal
- C Membangkitkan kesedaran Islam
- D Memperkenalkan teknologi moden

(Buku Teks m.s. 36)

- 70 Apakah sumbangan Kaum Muda terhadap orang Melayu?

- A Peluang pekerjaan
- B Penempatan baharu
- C Penubuhan madrasah
- D Pembentukan kesatuan

(Buku Teks m.s. 36)

- 71 Akhbar berikut telah menyemai semangat kebangsaan di negara kita pada awal abad ke-20.

- *Al-Imam*
- *Neracha*
- *Tunas Melayu*

Apakah pihak yang menerbitkan akhbar tersebut?

- A PASPAM
- B Kaum Muda
- C Kesatuan Melayu Muda
- D Gerakan Pan-Islamisme

(Buku Teks m.s. 36)

- 72 Akhbar *Al-Imam* berikut telah diterbitkan pada 23 Julai 1906.



Apakah kandungan yang dimuatkan dalam akhbar tersebut?

- I Perselisihan antara Kaum Muda dan Kaum Tua
- II Menggalakkan perpaduan dalam kalangan guru wanita

- III Menggesa orang Melayu mempertahankan bangsa

- IV Menyeru umat Islam berpandukan al-Quran dan Hadis

A I dan II

C II dan III

B I dan IV

D III dan IV

(Buku Teks m.s. 36)

- 73 Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) ditubuhkan pada tahun 1905.

Apakah matlamat awal penubuhan maktab tersebut?

- A Melatih anak bangsawan dalam pentadbiran
- B Memajukan pendidikan tinggi orang Melayu
- C Menjadi pemangkin pengasah bakat pelajar
- D Menyemat sikap mengkritik pembesar Melayu

(Buku Teks m.s. 37)

- 74 Soalan 74 dan 75 berdasarkan maklumat berkaitan golongan intelektual Melayu di Tanah Melayu.

- Mahmud Mat
- Raja Chulan Raja Abdullah
- Mohammad Eunus Abdullah

Apakah tuntutan mereka terhadap British?

- I Membuka peluang pekerjaan
- II Mendapat pendidikan Inggeris
- III Memartabatkan bahasa Melayu
- IV Menentang pentadbiran Inggeris

A I dan II

C II dan III

B I dan IV

D III dan IV

(Buku Teks m.s. 37)

- 75 Bagaimanakah tokoh tersebut menyalurkan idea dan tuntutan mereka?

- A Menubuhkan sekolah Inggeris
- B Menerbitkan pelbagai risalah
- C Bekerjasama dengan sultan
- D Berbaik-baik dengan British

(Buku Teks m.s. 37)

- 76 Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) telah ditubuhkan pada tahun 1922.

Apakah sumbangan maktab tersebut kepada negara?

- A Menerbitkan karya ilmunan
- B Melahirkan tokoh nasionalis
- C Mewujudkan persatuan radikal
- D Memartabatkan bahasa Melayu

(Buku Teks m.s. 37)

- 77 Jadual berikut berkaitan dengan usaha golongan intelektual berpendidikan Melayu di Tanah Melayu.

Ciri-ciri	Huraian
Penubuhan	Pejabat Karang Mengarang
Ketua Penterjemah	Za'ba

Apakah kepentingan penubuhan pejabat tersebut?

- A Mengasah bakat pelajar
- B Melahirkan tokoh nasionalis
- C Menyatukan rumpun Melayu
- D Menyediakan peluang pekerjaan

(Buku Teks m.s. 37)

- 78 Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) telah menitikberatkan beberapa mata pelajaran dalam kurikulumnya.

Apakah mata pelajaran tersebut?

- I Bahasa
- II Sejarah
- A I dan II
- B I dan IV
- III Anyaman
- IV Matematik
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 37)

- 79 SITC telah menerima kemasukan bahan bacaan dari Timur Tengah dan Indonesia.

Apakah kepentingan bahan tersebut kepada pelajar SITC?

- A Memperluaskan ilmu dalam semua bidang
- B Mendedahkan pembaharuan dari luar negara
- C Mendorong semangat perjuangan anak muda
- D Menuntut peluang berkhidmat dengan kerajaan

(Buku Teks m.s. 37)

- 80 Pertubuhan berikut telah ditubuhkan pada tahun 1929.

- Ikatan Semenanjung Borneo
- Pertubuhan Ikatan Pemuda Pelajar

Apakah kesan daripada penubuhan pertubuhan tersebut?

- A Membina institut pengajian tinggi
- B Melahirkan Kesatuan Melayu Muda
- C Meningkatkan taraf sekolah Melayu
- D Menggalakkan pendidikan kaum wanita

(Buku Teks m.s. 37)

- 81 Apakah faktor perkembangan kegiatan penerbitan akhbar pada tahun 1920-an?

- A Penubuhan Syarikat Jelutong Press
- B Kemunculan ramai golongan karyawan
- C Kewujudan Pejabat Karang Mengarang
- D Perjuangan Kaum Muda terhadap pendidikan

(Buku Teks m.s. 38)

- 82 Apakah akhbar yang diterajui oleh tokoh berikut?



Mohammad Eunus Abdullah

- I Majlis
- II Warta Jenaka
- A I dan II
- B I dan IV
- III Utusan Melayu
- IV Lembaga Melayu
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 38)

- 83 Apakah persamaan idea penulisan tokoh-tokoh berikut?

- Tok Kenali
- Dato 'Onn Ja'afar
- Abdul Rahim Kajai

- A Membaiki taraf hidup
- B Mengkritik dasar British
- C Menjaga maruah bangsa
- D Memajukan pendidikan tinggi

(Buku Teks m.s. 38)

- 84 Maklumat berikut berkaitan dengan seruan dalam akhbar *Fajar Sarawak*.

"fajar telah tersinsing, bangunlah wahai bangsaku"

Apakah tujuan seruan tersebut?

- A Memartabatkan kedudukan kaum wanita
- B Menyedarkan rakyat menentang penjajah
- C Menggesa masyarakat menuju kemajuan
- D Mengukuhkan semangat perpaduan kaum

(Buku Teks m.s. 38)

- 85 Senarai berikut berkaitan dengan isu yang disuarakan oleh Ketua-ketua Anak Negeri di Sabah.

- Pendidikan
- Tanah bumiputera
- Kewangan petani

Bagaimanakah isu tersebut disuarakan?

- I Melalui karya kreatif
 - II Dalam program lawatan
 - III Melalui aktiviti persatuan
 - IV Dalam mesyuarat mereka
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 38)

- 86 Editor akhbar Cina berusaha merangsang pemikiran masyarakat Huachiao.

Apakah isu yang dibangkitkan untuk usaha tersebut?

- I Memperjuangkan nasib wanita
 - II Menghargai warisan bangsa sendiri
 - III Mementingkan pendidikan bahasa Inggeris
 - IV Menyemai perasaan cinta pada negara China
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 38)

- 87 Senarai berikut merupakan puisi yang dihasilkan sebelum Perang Dunia Kedua.

- Sedarlah
- Serunai Pujangga
- Angan-angan dengan Gurindam

Apakah tema puisi tersebut?

- A Meningkatkan ilmu pendidikan
- B Meningkatkan kemajuan dunia
- C Menuntut kemerdekaan negara
- D Memupuk semangat kebangsaan

(Buku Teks m.s. 39)

- 88 Novel berikut adalah dikarang oleh Abdullah Sidek.



Apakah mesej yang ingin disampaikan pengarang kepada masyarakat?

- A Menjaga maruah bangsa
- B Menceburi bidang ekonomi
- C Menamatkan pergolakan politik
- D Mengeratkan perpaduan kaum

(Buku Teks m.s. 39)

- 89 Gambar berikut ialah akhbar *Tamil Nesan* yang mula beroperasi pada tahun 1924.



Siapakah pihak yang menerbitkan akhbar tersebut?

- A Guru India C Peniaga India
- B Majikan India D Pengurus ladang

(Buku Teks m.s. 34)

- 90 Jadual berikut berkaitan dengan persatuan yang ditubuhkan di negara kita.

Tahun	1926
Pengasas	Mohammad Eunos Abdullah
Tujuan	Memberi peluang kepada orang Melayu dalam pentadbiran

Apakah persatuan tersebut?

- A Kesatuan Melayu Muda
- B Persatuan Melayu Selangor
- C Kesatuan Melayu Singapura
- D Persaudaraan Sahabat Pena

(Buku Teks m.s. 40)

- 91 Cawangan PASPAM di Sabah telah ditubuhkan di Jesselton, Tawau, dan Labuan.

Apakah sumbangan persatuan tersebut terhadap ahlinya?

- A Mementingkan pelajaran teknik
- B Meningkatkan kesedaran sosial
- C Bergerak aktif dalam pentadbiran
- D Berani menyuarakan penentangan

(Buku Teks m.s. 40)

- 92 British telah menganggap Kesatuan Melayu Muda (KMM) sebagai persatuan bersifat radikal. Apakah perbuatan KMM sehingga dianggap radikal?

- A Menyuarakan penentangan terhadap raja
- B Mewujudkan sebuah petempatan khas
- C Menuntut peluang dalam pentadbiran
- D Membangkitkan perasaan anti-British

(Buku Teks m.s. 40)

- 93 Maklumat berikut berkaitan dengan gerakan anti-British di Tanah Melayu pada tahun 1940-an.

Pertubuhan	Matlamat Perjuangan
Kesatuan Melayu Muda (KMM)	Menghalau penjajah British dari Tanah Melayu.

Bagaimanakah tindakan KMM untuk mencapai matlamat tersebut?

- A Menjadi badan propaganda Jepun
- B Menubuhkan gagasan Melayu Raya
- C Menggalakkan pertubuhan pro-British
- D Mencari sokongan di sekeliling bandar

(Buku Teks m.s. 40)

- 94 Bagaimanakah pemimpin revolusi China berikut menjalin hubungan dengan pemimpin Cina di negara kita?

Dr. Sun Yat Sen

- A Bertukar teknologi
- B Memberi kewangan
- C Bantuan ketenteraan
- D Mengadakan lawatan

(Buku Teks m.s. 41)

- 95 Mengapakah masyarakat Cina sebelum Perang Dunia Kedua digelar sebagai Cina Peranakan?
- A Dilahirkan di Negeri-negeri Selat
 - B Berkhidmat dalam sektor kerajaan
 - C Terlibat dalam kegiatan perniagaan
 - D Penaung terhadap penjajahan British

(Buku Teks m.s. 41)

- 96 Penubuhan persatuan berikut berlaku pada Oktober 1936.

Central India Association of Malaya (CIAM)

Mengapakah persatuan tersebut ditubuhkan di Tanah Melayu?

- A Meningkatkan pertukaran idea
- B Menjaga kebajikan masyarakat
- C Meningkatkan perpaduan kaum
- D Menggalakkan pendidikan tinggi

(Buku Teks m.s. 41)

- 97 Mengapakah Khalsa Diwan Malaya telah ditubuhkan di Taiping, Perak oleh masyarakat Sikh pada tahun 1902?

- A Menjalankan aktiviti sosial
- B Mengawal keselamatan negara
- C Menjaga kepentingan masyarakat
- D Mencetuskan semangat kebangsaan

(Buku Teks m.s. 41)

2.8 Kesan Perkembangan Nasionalisme

(Buku Teks m.s. 42 – 43)

- 98 British telah memperkenalkan dasar desentralisasi di Tanah Melayu.

Apakah kesan dasar tersebut terhadap negara?

- A Mengembalikan kuasa sultan
- B Memajukan sistem pendidikan
- C Mengeksploitasi bahan mentah
- D Meningkatkan peluang pekerjaan

(Buku Teks m.s. 42)

- 99 Persatuan kebajikan berikut telah ditubuhkan di Singapura hasil gesaan Kaum Muda.

al-Jamiah al-Khairiah

Apakah kepentingan pertubuhan tersebut kepada orang Melayu?

- A Mengangkat martabat wanita
- B Meningkatkan taraf pendidikan
- C Memartabatkan bahasa Melayu
- D Membangkitkan semangat berniaga

(Buku Teks m.s. 42)

- 100 Apakah sumbangan tokoh berikut?

Tokoh	E. E. C. Thuraisingham
Jawatan	Presiden Malayan Rubber Estate Owner Association

- A Memperkenalkan teknik torehan getah
- B Menggalakkan penanaman pokok getah
- C Membantu meningkatkan perusahaan getah
- D Menghasilkan penyelidikan penanaman getah

(Buku Teks m.s. 43)